



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 49

Selasa

21 November 2017

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Status Kewarganegaraan Lam Wing Jung**
– YB. Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)

[Halaman 1]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Selasa, 21 November 2017**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

Status Kewarganegaraan Lam Wing Jung

2.34 ptg.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang Di-Pertua, saya menerima satu kes di mana seorang ibu warga Filipina yang bernama Myrna De Los Santos Reyes yang sekarang tinggal di Johor telah berkahwin dengan Lam Soue San (Nombor kad pengenalan: 520220-01-5431) pada tahun 1998 telah membuat permohonan kewarganegaraan untuk anak mereka yang bernama Lam Wing Jung (sekarang berumur 20 tahun) beberapa kali tetapi sampai sekarang masih tidak berjaya.

Untuk makluman Dewan ini, Lam Wing Jung dilahirkan pada 27 Mei 1997 di Sabah dan telah didaftarkan kelahiran beliau pada 3 Jun 1997 dengan nombor siri surat kelahiran 4830/97. Akan tetapi, ibu bapanya hanya mendaftarkan perkahwinan mereka pada 22 Mei 1998 di Sabah dengan sijil perkahwinan bernombor 798253. Apabila Lam Wing Jung berusia 12 tahun, iaitu pada 28 Mei 2009, bapanya Lam Soue San cuba memohon MyKad untuk anaknya di JPN Johor tetapi permohonannya ditolak.

Saya difahamkan bahawa penolakan permohonannya mungkin disebabkan Lam Wing Jung dilahir sebelum ibu bapanya mendaftarkan perkahwinan mereka. Akan tetapi ini tidak menunjukkan bahawa Lam Wing Jung bukan anak kandung Lam Soue San. Malang tidak berbau. Lam Soue San diserang penyakit jantung dan meninggal dunia pada 30 Ogos 2010. Akan tetapi Myrna De Los Santos Reyes masih tidak berputus asa untuk memohon kewarganegaraan untuk anak beliau. Ibu tunggal ini membuat permohonan pada 18 November 2011 tetapi masih tidak berjaya tanpa menyatakan

sebab-sebabnya. Beliau cuba sekali lagi pada 4 Julai 2013, tetapi sampai hari ini, sudah empat tahun, masih tiada apa-apa berita baik daripada JPN.

Pada 8 November 2017, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, telah mengumumkan bahawa keputusan atau laporan ujian DNA dapat digunakan sebagai bukti untuk kelulusan permohonan kewarganegaraan. Persoalannya, Lam Soue San telah meninggal dunia selama tujuh tahun. Apakah cara-cara lain yang dapat digunakan supaya permohonan Lam Wing Jung dapat diluluskan. Bolehkah Lam Wing Jung membuat ujian DNA dengan saudaranya dari keluarga Lam Soue San untuk membuktikan hubungannya dengan bapa beliau. Kalau tidak, adakah Lam Wing Jung perlu mengeluarkan abu mayat bapanya untuk membuat ujian DNA demi membuktikan hubungan kedua-dua orang ini.

Justeru, saya ingin memohon jasa baik kementerian supaya meneliti kes ini dan menganugerahkan kewarganegaraan untuk Lam Wing Jung secepat mungkin. Saya berasa adalah tidak adil untuk menghukum Lam Wing Jung atas kecuaiannya ibu bapanya. Saya berharap kementerian dapat mempertimbangkan permohonan mereka ini atau cadangkan langkah-langkah atau prosedur yang perlu diambil agar pemuda yang berumur 20 tahun ini boleh terus memberi sumbangan kepada masyarakat ini dan hidup sebagai seorang warga Malaysia. Sekian, terima kasih.

2.38 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Masir Kujat]: Tuan Yang di-Pertua, taraf kewarganegaraan dan status perkahwinan ibu dan bapa merupakan rujukan utama dalam menentukan kewarganegaraan seseorang individu. Justeru, bagi anak tidak sah taraf yang dilahirkan di Malaysia hasil daripada hubungan wanita warganegara asing dengan lelaki warganegara Malaysia, taraf kewarganegaraan anak tersebut adalah berdasarkan kepada ibunya seperti mana yang termaktub di bawah seksyen 17, Bahagian III, Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan.

Dalam hal ini, laporan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) merupakan dokumen sokongan bagi mengesahkan pertalian darah seseorang individu dengan ibu bapa atau adik-beradik yang lain. Namun laporan ujian DNA ini bukanlah bukti konklusif dalam penganugerahan kewarganegaraan kerana seseorang individu masih perlu mematuhi peruntukan perundangan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan serta perundangan lain yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran, perkahwinan serta keberadaan yang sah di negara ini mengikut peraturan imigresen.

Berhubung dengan individu bernama Lam Wing Jung, hasil semakan mendapati bahawa permohonan kewarganegaraan yang telah dikeluarkan pada 4 April 2013 masih dalam pertimbangan kementerian ini selaras dengan peruntukan perundangan serta peraturan-peraturan yang berkuat kuasa. Pemohon akan dimaklumkan secara bersurat sebaik sahaja keputusan tersebut dikeluarkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Rabu, 22 November 2017.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.39 petang]